



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN MAC 2025

Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 4.2 peratus pada Mac 2025

PUTRAJAYA, 10 April 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, MAC 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit besi telah merekodkan penurunan antara negatif 0.1 peratus sehingga negatif 4.2 peratus bagi kebanyakan kawasan di Malaysia pada Mac 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga bahan ini telah dicatatkan di Perak (-4.2%), diikuti dengan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan dan Kuching (masing-masing negatif 2.0%).

Selain daripada itu, Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit keratan keluli & logam juga mencatatkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.1 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Mac 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit besi ini telah direkodkan di Kuching (-1.1%).

Tambahan itu, indeks harga seunit pasir telah merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.4 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Mac 2025 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi direkodkan di Pahang (1.4%), diikuti dengan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.3%) dan Perak (1.1%).

Dalam tempoh yang sama, terdapat peningkatan indeks harga seunit simen pada Mac 2025 berbanding bulan lepas iaitu bagi beberapa kawasan iaitu Johor (1.8%), diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Tawau (masing-masing 0.9%). Manakala indeks harga bahan ini kekal tidak berubah bagi kawasan lain.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Mac 2024 dan Mac 2025 menunjukkan bahawa indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 4.0 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.0%), diikuti dengan Johor (3.5%) dan Pahang (3.3%).

Namun begitu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 1.1 peratus hingga negatif 18.9 peratus pada Mac 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit besi direkodkan di Perak (-18.9%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* mencatatkan penurunan (-1.1%) dengan purata harga RM3,505.28 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Februari 2025: RM3,545.15 per tan metrik). Manakala, purata harga simen *Ordinary Portland* pula telah merekodkan peningkatan kecil (0.2%) dengan purata harga RM23.65 per 50 kg sekarung berbanding Februari 2025 (RM23.60 per 50 kg sekarung).

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan penurunan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 1.7 peratus pada bulan Mac 2025 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan ini dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan dan kawasan kecuali bagi Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan, Perak dan Terengganu & Kelantan.

IKB termasuk bar keluli di Sabah pula menunjukkan penurunan kecil antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.3 peratus bagi semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Sandakan pada Mac 2025 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, IKB di Tawau pula telah merekodkan peningkatan iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.3 peratus bagi hampir semua kategori bangunan.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Mac 2025 merekodkan penurunan kecil antara 0.2 peratus hingga negatif 1.1 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali indeks bagi Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu di Kuching dan Sibu. Selain itu, IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Miri pula kekal tidak berubah berbanding bulan sebelumnya.


Menurut petikan akhbar Bernama pada 7 April 2025, MIDF Amanah Investment Bank Bhd. menyatakan bahawa kesan langsung kepada sektor pembinaan berikutan tarif timbal balik 24 peratus ke atas import dari Malaysia ke Amerika Syarikat (AS), berkuat kuasa 9 April 2025, dijangka minimum. Harga bar keluli terus menurun untuk bulan keempat berturut-turut di tengah-tengah lebih bekalan global, manakala harga simen kekal stabil disebabkan oleh pengeluaran domestik yang berdisiplin dan kawalan kos bahan mentah. Dinamik ini membantu mengurangkan tekanan margin kepada kontraktor.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Mac 2025



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Mac 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 APRIL 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA MARCH 2025

The unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 4.2 per cent in March 2025

PUTRAJAYA, April 10, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MARCH 2025**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison recorded a decrease in the unit price index of steel between negative 0.1 per cent to negative 4.2 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in March 2025 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Perak (-4.2%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan and Kuching (-2.0%), respectively.

Apart from that, the Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel & metal sections showed a decline between negative 0.1 per cent to negative 1.1 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in March 2025 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Kuching (-1.1%).

In addition, the unit price index of sand registered a slight increase between 0.1 per cent to 1.4 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in March 2025 as compared to the previous month. The highest increase was recorded in Pahang (1.4%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.3%) and Perak (1.1%).

Concurrently, there was an increase in the price index per unit of cement in March 2025 as compared to the previous month, for several areas, namely Johor (1.8%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Tawau (0.9%), respectively. Meanwhile, the unit price index for cement remained unchanged for other areas.

An annual comparison for the period of March 2024 and March 2025 indicated that the unit price index of cement increased between 0.2 per cent to 4.0 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan and Sandakan (4.0%), followed by Johor (3.5%) and Pahang (3.3%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 1.1 per cent to negative 18.9 per cent in March 2025 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index of steel was recorded in Perak (-18.9%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-0.5%) with an average price of RM3,505.28 per metric tonne as compared to the previous month (February 2025: RM3,545.15 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement showed a slight increase (0.2%), with an average price of RM23.65 per 50 kg bag as compared to February 2025 (RM23.60 per 50 kg bag).

BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight decrease between negative 0.2 per cent to negative 1.6 per cent in March 2025 as compared to the previous month. The decrease for BCI with steel was recorded for almost all building categories except in Timber Building and Timber Piling in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan, Perak and Terengganu & Kelantan.

BCI with steel bars in Sabah also registered a decrease between 0.1 per cent to 0.3 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Sandakan in March 2025 as compared to the previous month. Meanwhile, BCI in Tawau recorded a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.3 per cent for almost all categories of building.

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for March 2025 recorded a slight decrease between negative 0.2 per cent and negative 1.1 per cent for almost all categories of buildings except for Timber Building and Timber Piling in Kuching and Sibu. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Miri remained unchanged as compared to the previous month.

According to BERNAMA online newspaper dated 7 April 2025, MIDF Amanah Investment Bank Bhd. stated that the direct impact on the construction sector following the 24 per cent reciprocal tariff on imports from Malaysia to the United States (US), effective 9 April 2025, is expected to be minimal. Steel bar prices have continued to ease for the fourth consecutive months amidst global oversupply, while cement prices remain stable due to disciplined domestic production and raw material cost control. These dynamics helps cushion contractors from margin pressures.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – March 2025





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – March 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 April 2025